

Headline	DBKL selalu pantau pokok tepi jalan		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	11 Mar 2018	Color	Full Color
Section	Jurnal	Circulation	197,202
Page No	44,45	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	1622 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 42,255
Frequency	Daily	PR Value	RM 126,766



SELAKU Pengarah di Jabatan Pembangunan Landskap Dan Rekreasi DBKL, Jabarilah tidak mahu berlakunya apa-apa kemalangan yang serupa pada masa akan datang.

# DBKL selalu pantau pokok tepi jalan

Penyelenggaraan dan pemantauan dua kali setahun dilakukan oleh DBKL terhadap pokok-pokok di tepi jalan bagi memastikan keselamatan orang ramai terjamin daripada sebarang risiko kemalangan.

**K**EJADIAN pokok tumbang hingga mencederakan seorang penunggang dan pembonceng motosikal di Jalan Ampang berhadapan Menara Berkembar Petronas (KLCC) pada awal minggu lalu mungkin dianggap sebagai kejadian terpencil kerana jarang-jarang berlaku. Bagaimanapun, kejadian seumpama itu tidak boleh dipandang remeh kerana ia melibatkan nyawa pengguna jalan raya yang terdedah dengan risiko dihempap pokok di tepi jalan raya. Banyak faktor boleh dikaitkan berhubung kejadian tersebut seperti faktor persekitaran ataupun usia pokok yang dikatakan telah tua. Terdapat segelintir orang ramai pula menuding jari dengan menyalahkan pihak bertanggungjawab yang mendakwa, kejadian itu berpunca akibat tiadanya pemantauan dan penyelenggaraan daripada pihak terlibat. Sebagai pihak bertanggungjawab, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tampil memberikan penjelasan terhadap kejadian yang berlaku. Bagi mengetahui lebih lanjut, ikuti temu bual yang dijalankan oleh wartawan *Kosmo! Ahad*, MOHAMMAD SHAHEMY AZMI bersama Pengarah Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi, Jabarilah Ja'afar di pejabatnya baru-baru ini.

**KOSMO! AHAD:** Merujuk kepada kenyataan DBKL dalam laporan akhbar *Kosmo!* 6 Mac 2018, dikatakan bahawa insiden pokok hujan-hujan yang tumbang itu adalah disebabkan kerana akarnya yang reput. Adakah pihak

**bertanggungjawab sebenarnya sedar perkara tersebut?**

**JABARILAH:** Seperti yang dinyatakan, kejadian tersebut berlaku di luar jangkaan. Secara fizikal atau luarannya pokok yang tumbang itu nampak sihat. Diketahui akar pokok itu sebenarnya telah reput hanya selepas ia tumbang. Di sini, saya ingin maklumkan bahawa pihak DBKL sememangnya telah menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan pokok mengikut jadual ditetapkan iaitu sebanyak dua kali setahun. Bahkan, pokok-pokok di lokasi kejadian itu juga telah diselenggara iaitu pada April 2017 dan Disember 2017. Akar yang reput di dalam tanah sukar untuk dikenal pasti kerosakannya, malah tiada tanda-tanda kerosakan akar dilihat seperti kedapatan cendawan pada bahagian pangkal pokok. Terdahulu, DBKL telah pun menebang sebanyak tiga batang pokok kerana faktor fizikalnya yang condong dan berbahaya walaupun fizikalnya masih sihat dan kuat.

**Berapakah jumlah pokok hujan-hujan yang terdapat di sekitar kawasan kejadian pokok tumbang tersebut?**

Jalan Ampang bermula dari Persimpangan Sultan Ismail hingga ke sempadan Selangor dengan jumlah keseluruhan pokok adalah sebanyak 798 batang. Untuk pokok hujan-hujan sahaja, terdapat 209 batang. Rata-rata spesies pokok yang mendominasi Jalan Ampang daripada spesies pokok hujan-hujan kerana laluan tersebut merupakan jalan terawal di Kuala Lumpur. Pokok hujan-hujan merupakan pokok terawal yang

## EKSTRA

### Jabarilah Ja'afar

- Berusia 58 tahun
- Berasal dari Raub, Pahang
- Merupakan ibu kepada lima orang cahaya mata
- Telah menyertai DBKL sejak 36 tahun lalu iaitu pada tahun 1982
- Mula menjawat jawatan sebagai Pengarah Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi pada Januari 2017
- Memegang prinsip hidup 'membuat yang terbaik untuk hasil yang terbaik'

Foto WAHIDAH ZAINAL

Headline	DBKL selalu pantau pokok tepi jalan		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	11 Mar 2018	Color	Full Color
Section	Jurnal	Circulation	197,202
Page No	44,45	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	1622 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 42,255
Frequency	Daily	PR Value	RM 126,766



**digunakan oleh orang awam untuk membuat aduan?**  
 DBKL telah menyediakan beberapa saluran aduan seperti saluran online di Aduan iSPAAA melalui laman web [ispaaa.gov.my](http://ispaaa.gov.my), [dbkl.gov.my](http://dbkl.gov.my), atau e-mel di [jlr@dbkl.gov.my](mailto:jlr@dbkl.gov.my).  
 Orang ramai juga boleh menghubungi talian 03-2693 4132 (Unit Pengurusan Pokok Rendang) atau 03-9284 3434/3636 (Unit Kecemasan 24 jam).

**Rata-rata komen masyarakat seolah-olah menuding jari kepada pihak berwajib berhadap kejadian yang berlaku. Apakah kata-kata yang boleh pun simpulan untuk memperbetulkan situasi sebenar?**  
 Kami ingin masyarakat tahu bahawa kita sangat memandag serius masalah seperti ini dan berusaha memastikan keselamatan warga kota.  
 Pada masa sama, DBKL juga berusaha untuk memastikan Kuala Lumpur menjadi sebuah bandar raya hijau yang menyumbang kepada kesejahteraan.  
 Kejadian pokok tumbang bukanlah semata-mata disebabkan oleh kelemahan pada struktur pokok, tetapi ia turut menyumbang kepada beberapa faktor lain.  
 Harapan saya agar Kuala Lumpur akan kekal hijau di samping kesejahteraan warga kota terpelihara daripada ancaman bahaya.

diperkenalkan dalam program pengindahan landskap bandar raya Kuala Lumpur ketika itu.

**Adakah pihak DBKL sedar kejadian seumpama itu boleh terjadi terutama ketika musim hujan dan ditambah pula lokasi pokok tersebut terletak di tepi jalan utama yang sentiasa sibuk dengan kenderaan?**

Kita sedar risiko pokok tidak kira saiz dan lokasinya ditanam. Oleh sebab itu, kita telah menjalankan inventori untuk mengetahui profil pokok di setiap jalan sekitar Kuala Lumpur dengan melantik kontraktor bagi menjalankan penyelenggaraan. Kontraktor pula perlu melantik arboris iaitu orang yang pakar dalam mengendalikan tumbuhan bagi menentukan tahap kesihatan setiap pokok. Data-data pokok seperti saiz lilintan, ketinggian dan umurnya diambil untuk membuat Pelan Pengurusan Pokok Rendang bagi mengurus pokok dengan lebih efisien. Hasil daripada laporan arboris, DBKL akan membuat pemantauan lebih terperinci seperti pemeriksaan dalam batang dan akar pokok untuk tindakan sewajarnya.

**Apakah bentuk tindakan oleh DBKL terhadap pokok-pokok yang dikenal pasti berbahaya kepada orang awam?**

Arboris yang dilantik oleh kontraktor perlu membuat pemeriksaan fizikal atau *visual tree assessment* pada setiap pokok yang akan diselenggara. Pemeriksaan tahap kesihatan pokok daripada bahagian daun hingga ke pangkalnya akan dibuat secara visual iaitu melihat tanda-tanda fizikal jika terdapat kerosakan.

Jika satu-satu masalah dikenal pasti, arboris perlu mengemukakan cadangan rawatan. Terdapat tiga pilihan tindakan yang boleh dibuat iaitu mencantas, menebang dan diganti atau ditebang terus.

**Adakah pihak DBKL sebenarnya telah menetapkan cuma satu-satu spesies pokok tertentu sahaja yang boleh dibiarkan tumbuh di tepi-tepi jalan?**

Untuk pengetahuan, kebanyakan pokok yang ada telah ada sejak dahulu lagi. Kita cuba kekalkan pokok-pokok itu kerana ia mempunyai nilai sejarah tersendiri.

DBKL tidak menetapkan spesies pokok tertentu untuk ditanam, namun kita mengaplikasikan beberapa spesies ditanam mengikut konsep atau tema yang telah dipersetujui.

KERATAN Kosmo! 6 Mac 2018.

**Pokok-pokok di tepi jalan diabaratkan umpama 'payung' kepada pejalan kaki. Bagaimanakah pihak DBKL ingin memastikan kejadian serupa tidak lagi berulang, namun pada masa sama ingin mengekalkan konsep kehijauan di tengah bandar?**

Kita sedaya upaya hendak mengekalkan pokok-pokok lama kerana nilai sejarahnya. Namun untuk penanaman baharu, DBKL sedang menyediakan Pelan Pengurusan Pokok Rendang untuk memastikan pokok-pokok yang ditanam dapat memberi manfaat yang sepatutnya. Dalam pelan tersebut, kita akan membuat kajian untuk menentukan ketinggian maksimum, saiz batang serta kesesuaiannya bagi sesuatu kawasan.

**Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar menerusi Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) ada menyuarakan kesudian untuk membantu dengan menawarkan khidmat nasihat, perundingan teknikal dan latihan dalam pemeriksaan pokok-pokok tua bagi mengelak kejadian serupa berulang. Apakah komen puan terhadap perkara tersebut?**

DBKL telah pun menjalankan kerjasama erat dengan pihak FRIM sejak sekian lama dalam mengurus Hutan Bandar di Kuala Lumpur. Bermula pada tahun 2007, DBKL telah membuat perjanjian persefahaman bersama FRIM untuk menjalankan kajian antaranya

kajian pokok tua berisiko dan kajian pembungaan pokok. Pada tahun 2013, perjanjian tersebut diteruskan dengan fokus kepada skop pengurusan taman botani termasuk program Konservasi dan Herbarium. Sehingga pada tahun 2017, perjanjian diteruskan dengan memberi fokus kepada Pengurusan Hutan Bandar untuk menentukan spesies yang sesuai ditanam di Kuala Lumpur, selain mewujudkan Pelan Pengurusan Pokok Rendang.

**Adakah orang awam boleh meminta pihak DBKL menebang pokok-pokok yang berisiko mendatangkan bahaya kepada mereka? Apakah saluran yang boleh**



JABARILAH menegaskan bahawa pihaknya sentiasa membuat pemantauan berkala terhadap pokok-pokok yang ada di tepi jalan sekitar Kuala Lumpur bagi menjamin keselamatan pengguna jalan raya.